

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 21 DISEMBER 2015 (ISNIN)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Inovasi bantu daya saing	Utusan Malaysia
2.	BiotechCorp buka pejabat di San Francisco	Utusan Malaysia
3.	Broken dreams of biotech era	The Star
4.	Hujan, ribut petir landa Selangor	Sinar Harian

Inovasi bantu daya saing

MyTech Forum 2015 tawar teknologi tempatan

HASRAT untuk mencapai status sebuah negara maju bukan suatu yang mudah.

Malaysia sebagai sebuah negara membangun yang menuju sebuah negara maju memerlukan persekitaran ekonomi yang kukuh dan kondusif.

Penguatkuasaan ekonomi pula memerlukan perubahan daripada sebuah negara pengguna kepada negara pengeluar seterusnya memberi fokus kepada pelbagai industri berkaitan.

Menyedari hakikat tersebut, kerajaan menerusi agensinya terus melaksanakan pelbagai inisiatif bagi membantu mengembangkan sektor industri di negara ini.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) sebagai contoh telah melaksanakan pelbagai program sokongan



MADIUS TANGAU

dengan memberi dorongan terbaik terhadap kajian, pengembangan, pengkomersialan dan inovasi berkaitan teknologi di sektor itu.

Menurut menterinya, Datuk Madius Tangau, apabila negara bergerak ke hadapan, tinggi nilai tambah

dan ekonomi berasaskan ilmu, inovasi akan terus menjadi elemen yang kritikal dalam agenda membangunkan negara.

"Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10), kerajaan telah memberi penekanan terhadap ekosistem inovasi dengan menyediakan persekitaran yang

kondusif terhadap R&D (penyelidikan dan pembangunan)," katanya. Beliau berkata demikian ketikan berucap merasmikan pameran Mytech Forum 2015 di ibu negara baru-baru ini.

MyTech Forum 2015 merupakan antara program yang dilaksanakan bagi mempamer dan memperkenalkan inovasi dan teknologi baharu hasil daripada R&D terkini oleh Mimos Berhad.

Usaha dan sokongan kerajaan tersebut dilihat berjaya menempatkan Malaysia di tangga ke-18 daripada 140 negara serta berada di dalam 20 negara teratas yang memiliki daya saing ekonomi global terbaik dunia.

"Untuk memperbaiki kedudukan global tersebut, MOSTI menerusi RMK-11 (2016-2020), akan mempromosi kerjasama dan integrasi antara kerajaan, industri dan ahli akademik.

"Aktiviti kajian juga akan dilaksanakan selari dengan kehendak dan keperluan industri dan menjadikan sektor swasta sebagai rakan strategik dalam proses R,D,C dan I (penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi," katanya.

Ujarnya lagi, inovasi perlu difahami termasuk keseluruhan rantai bermula dari R&D kepada kejuruteraan, pembuatan, edaran, jualan dan pemasaran.

Kerjasama merupakan antara kelebihan untuk mengukuhkan kekuatan dalam organisasi.

FAKTA

Mimos sebagai contoh antara agensi yang ditubuhkan bagi mengkomersialkan inovasi dan teknologi terkini.

- Pada tahun lepas Mimos berjaya mengkomersialkan teknologi tempatan berimpak tinggi bernilai lebih RM400 juta.
- Sebagai tambahan, sebanyak RM1 billion peluang pasaran di dalam *spin-off* sektor teknologi yang turut di wujudkan oleh teknologi Mimos dan rakan strategiknya.

Terdapat tanggapan situasi ekonomi yang tidak menentu akan memberi kesan negatif terhadap peluang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), justeru keadaan tersebut merupakan masa terbaik untuk mempromosi teknologi dan kebolehan tempatan.

"Adaptasi teknologi dan kemahiran tempatan dapat mengurangkan kos, pada masa yang sama dapat membuka peluang pekerjaan yang lebih luas kepada warga tempatan," katanya.



TEKNOLOGI sensor antara bidang yang dibangunkan Mimos.

BiotechCorp buka pejabat di San Francisco

MALAYSIA Biotechnology Corporation (BiotechCorp) sebuah agensi Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) telah menubuhkan pejabat antarabangnya yang pertama di San Francisco, Amerika Syarikat.

Ketua Pegawai Eksekutif BiotechCorp, **Datuk Dr. Mohd Nazlee Kamal** berkata, penubuhan pejabat tersebut sangat bermakna sejajar dengan ulang tahun penubuhan yang ke-10 pada tahun ini.

"Selain menyambut ulang tahun ke 10, tahun ini juga BiotechCorp secara rasminya telah membuka pejabat

antarabangsa pertama.

"Kami juga telah bekerja keras untuk mengembang dan mengukuhkan kedudukan negara dalam ruang bioekonomi melalui kerjasama dengan pemain industri bertaraf dunia seperti Belgium, Jerman, Itali dan Indonesia.

"Bagi pihak BiotechCorp, saya mengucapkan terima kasih atas sokongan dan kerjasama untuk sama-sama menyampaikan ilmu pengetahuan, meningkatkan taraf hidup rakyat dan meletakkan negara kepada standard global melalui bioteknologi," katanya dalam majlis penghargaan bersama

media di ibu negara, baru-baru ini.

Majlis tersebut diadakan bertujuan untuk menghargai media yang bekerjasama menjayakan pelbagai program dan promosi yang dijalankan oleh agensi tersebut selain untuk mengeratkan hubungan silaturahim.

Selain itu katanya, BiotechCorp turut mengambil bahagian dalam program tanggungjawab sosial korporat melalui kempen kesedaran kanser.

"BiotechCorp juga telah mengadakan ceramah berkaitan kesedaran kanser kepada orang ramai kerana masyarakat mempunyai kuasa dan

bertanggungjawab terhadap kesihatan diri sendiri," katanya.

Majlis yang dihadiri barisan pengamal media bercetak dan elektronik itu telah dihiburkan dengan persembahan memukau dari sebuah kumpulan muzik tempatan selain jamuan makan dan persembahan daripada nyanyian daripada wakil-wakil daripada wakil media.

Dalam ucapan itu juga, Mohd. Nazlee menyatakan pihaknya sentiasa menghargai kerja media membuat liputan program yang dianjurkan oleh BiotechCorp.

Broken dreams of biotech era

I REFER to the letter "Biotech grads wanted" (*The Star*, Dec 18) by Prof Datuk Dr Ahmad Ibrahim who urged the relevant authorities to revisit and review our national biotech policy.

The biotech era was ushered in by former prime minister Tun Abdullah Ahmad Badawi in the last decade to make Malaysia an international player in research and development (R&D).

In the BiotechCorp Human Capital Development Report 2009, it is stated that the targeted employment of 160,000 was mentioned for Phase III 2016 to 2020.

I am wondering if BiotechCorp has achieved its Phase I and II target up to year 2015.

In the Ninth and Tenth Malaysia Plans, the Government had allocated RM300mil for BiotechCorp to boost the biotech industry through its Bionexus arm. In 2003, NineBio Sdn Bhd, a biotech company, was established to foster development of halal vaccines. A budget of RM350mil was initially allocated to the company but the project suffered a premature death.

Another company, Inno-Biologics Sdn Bhd, was established

in 2002 and was allocated RM93mil to lead in development of bio-products.

Ten years on, from the initiation of the biotech industry by the Malaysian Government and after hundreds of millions of ringgit in public funding was poured into the industry, we can clearly say it is a failure, however.

It will also be impossible to revive the industry in the next five years and, of course, to achieve the target of 160,000 employment.

There are several factors that contributed to the failure. First, the plan was hampered by an education policy that favours bumiputras. Top students were denied access to medical school, forcing them to further their studies in other countries like Singapore, the US or Europe.

Second, many young scientists with doctorate degrees, especially Chinese and Indians, left the country as they couldn't secure jobs whether as lecturers in public universities or as researchers in government institutions.

For public universities, there is the unspoken quota in hiring lecturers, and for non-bumiputras, it

is quite hard to get in to become lecturers.

Furthermore, the faculty heads tend to send their tutors to study either locally or overseas for doctorate degrees instead of adsorbing the existing doctoral degree holders.

Third, there were cases where government scholarship holders, for example the National Science Fellowship (NSF), could not find a job in public universities or government institutions after finishing their doctoral studies. They were just released from their bond without having to serve Government. This is truly sad because the Government spent hundreds of thousands of ringgit for their studies.

I hope the Government will address these issues by abolishing the quota system and adsorbing the existing scholars instead of sending more students overseas for undergraduate or post-graduate education. Hopefully, these approaches will make our biotechnology field more competitive.

POST-DOC
Kuala Lumpur

Hujan, ribut petir landa Selangor

SHAH ALAM - Hujan dan ribut petir dijangka melanda Selangor bermula semalam hingga 26 Disember ini.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi, Datuk Che Gayah Ismail berkata, bagaimanapun keadaan cuaca itu hanya berlaku pada waktu petang dan senja.

"Kita tengok secara keseluruhan di Selangor memang ada hujan turun dalam jangka waktu berkenaan," katanya.

Sementara itu, angin kencang dan laut bergelora kategori ketiga dijangka berlaku di kawasan pantai barat.

"Angin kencang timur laut dengan kelajuan melebihi 60



CHE GAYAH

kilometer sejam dengan ketinggian ombak melebihi 4.5 meter berlaku di kawasan perairan Condore, Reef North dan Layang-Layang.

"Keadaan ini adalah berbahaya kepada semua aktivi-

ti pantai dan perkapalan termasuk pekerja di pelantar minyak," katanya.

Menurutnya, amaran kategori pertama dan kedua turut dikeluarkan di beberapa kawasan sekitar pantai timur dan pantai barat.

"Perairan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor Timur dan Sarawak akan berdepan dengan amaran kategori pertama iaitu tiupan angin selaju 40-50 kilometer sejam dengan ombak mencapai ketinggian 3.5 meter.

"Amaran kategori kedua iaitu angin kencing selaju 50-60 kilometer sejam dengan ombak setinggi 4.5 meter dijangka

berlaku di Labuan, Palawan dan pedalaman pantai barat," katanya.

Beliau berkata, angin timur laut dijangka terus ber tiup di rantau negara ini sepanjang tempoh sehingga 26 Disember.

"Keadaan ini boleh menyebabkan hujan pada waktu pagi di negeri pantai timur semenanjung dan hujan berserta ribut petir pada waktu petang dan senja di negeri pantai barat semenanjung.

"Keadaan ini berbahaya kepada semua aktiviti perkapalan, tangkap ikan, perkhidmatan feri, rekreasi dan sukan laut," katanya.